

B619

MAHATHIR-PAS

(1)

1982

ALOR SETAR, 16 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MUNGKIN AKAN DITENTANG OLEH ORANG KUAT PAS ENCIK FADZIL MOHAMED NOOR JIKA BELIAU BERTANDING SEMULA DI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU DALAM PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG.

KHABAR-KHABAR ANGIN DI KALANGAN UMNO DAN PAS DI SINI ADALAH KENCANG BAHAWA PERDANA MENTERI AKAN MEMPERTAHKAN KERUSI ITU DENGAN MENENTANG NAIB-PRESIDEN PAS DALAM PERTEMUAN SATU SAMA SATU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMENANGI KERUSI KUBANG PASU DALAM PILIHANRAYA UMUM 1978 SELEPAS MENGALAHKAN ENCIK HALIM ARSHAD DARI PAS DENGAN KELEBIHAN 8,245 UNDI.

SEBALIKNYA, ENCIK FADZIL, YANG JUGA DIKENALI SEBAGAI ALI MOHAMAD NOOR KALAH DI TANGAN DATUK SENU ABDUL RAHMAN, BEKAS SETIAUSAHA AGUNG UMNO DI KAWASAN PARLIMEN KUALA KEDAH DENGAN KELEBIHAN 879 UNDI.

+KEMUNGKINAN BESAR IALAH ENCIK FADZIL AKAN PERGI KE KAWASAN KUBANG PASU KALI INI UNTUK MEMBERI TENTANGAN HEBAT KEPADA PERDANA MENTERI, + JELAS SUMBER PAS DI SINI. -- BERSAMBUNG 1825/SZ

B620

MAHATHIR-PAS 2 ALOR SETAR

SUMBER ITU MENSIFATKAN ENCIK FADZIL SEBAGAI CALON YANG PALING SESUAI UNTUK MENENTANG PERDANA MENTERI KERANA +BELIAU ADALAH SEORANG CENDIKIAWAN DAN MEMPUNYAI PEMBAWAAN SEORANG PEMIMPIN.+

SUMBER ITU MENOLAK KEMUNGKINAN MELETAKKAN SETIAUSAHA AGUNG PAS DATUK ABU BAKAR OMAR BAGAI MENENTANG DATUK SERI DR. MAHATHIR KERANA DATUK ABU BAKAR AKAN MEMPERTAHKAN KERUSI KOTA SETARNYA.

BAGAIMANAPUN SEORANG PEMIMPIN UMNO DI SINI BERKATA PAS +ADALAH PUNGGUK YANG MEMINTA BULAN+ JIKA PARTI ITU PERCAYA IA BOLEH MEREBut KUBANG PASU DARI TANGAN PERDANA MENTERI.

KATANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR SANGAT POPULAR ORANGNYA, BUKAN SAHAJA DI KALANGAN PENDUDUK KUBANG PASU, TETAPI JUGA KESEMUA RAKYAT MALAYSIA.

DATUK ABU BAKAR TIDAK PULA MENGESAH ATAU MENOLAK KEMUNGKINAN ENCIK FADZIL BERTANDING MENENTANG DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+APA-APA YANG DISEBUTKAN TENTANG CALON-CALON KITA, TENTANG DIMANA MEREKA AKAN BERTANDING, CUMALAH RAMALAN SEMATA-MATA,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA 1830/SZ